

Istiqamah pertahan Al-Quds

Kuala Lumpur: "Alhamdulillah, kami dapat bersama umat Islam di seluruh pelosok dunia berdemonstrasi menyatakan bantahan. Saya dapat lihat, semangat rakan Palestin khususnya yang begitu istiqamah mempertahankan Al-Quds sebagai kota suci umat Islam," kata Timbalan Presiden Muslim Care Malaysia Society (Muslim Care), Mohd Johari Ismail.



METRO AHAD

Kuala Lumpur

Demokrasi ujian besar buat Amerika Syarikat (AS) selepas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mengundi menolak hasrat negara besar itu menjadikan Baitulmaqdis sebagai ibu negara Israel.

Profesor Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamaduan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM) Profesor Dr Zaid Ahmad berkata, kalaupun selama ini AS sebagai kuasa besar mendakwa pejuang demokrasi dan mahu semua orang

patuh kepada kehendak majoriti, selepas pembatalan itu, demokrasi adalah ujian besar mereka.

"Ini bukan kali pertama AS menggunakan kuasa veto-nya tetapi kali pertama banyak negara yang menolak keputusan yang dibuatnya.

"Ini jelas menunjukkan sikap sebenar negara 'Uncle Sam' itu dan jika prinsip demokrasi digunakan keputusannya mengisyihar Baitulmaqdis sebagai ibu negara Israel mesti di-

tarik balik," katanya.

Menurutnya, jika AS masih berkeras dengan keputusannya walaupun dibantah 128 negara, mereka tidak layak lagi bercakap mengenai demokrasi.

"Dengan ugutan yang dikeluarkan, ia juga secara tidak langsung menunjukkan AS di bawah kepimpinan Presiden Donald Trump menyalahguna kuasa.

"Penggunaan kuasa veto juga menunjukkan tidak ada demokrasi dan kuasa veto itu sepatutnya sudah tidak wujud lagi," katanya.

Tindakan AS mahu mengiktiraf Baitulmaqdis sebagai ibu kota Israel itu semacam mencurah garam di atas luka yang sudah ada kerana Islam terutama rakyat Palestin sudah terluka dengan Israel.

"Apabila menyentuh soal keganasan, tiada istilah pengganas yang berlaku di Palestin. Kalau satu bangsa itu ditindas, pastinya mereka

akan melawan dan itu yang terjadi di Palestin.

"Mereka bukan pengganas tetapi bangkit menentang untuk mempertahankan hak mereka. Mereka tidak boleh disifatkan pengganas. Mereka sudah melalui banyak penderitaan dan melihat sendiri pembunuhan ibu, ayah, anak dan keluarga," katanya.

Ditanya mengenai kemungkinan yang berlaku selepas penolakan keputusan negara kuasa besar itu, kata Zaid, dunia akan berdepan dengan konflik kerana pemimpin dunia sendiri tidak mahu menyelesaiannya.

"Walau berbeza agama, bangsa dan negara, manusia di seantero dunia kini mahu hidup aman, tenteram dan damai. Mereka tidak memilih konflik.

"Tetapi kalau ada golongan ingin mendomi-

nasi orang lain, maka konflik tidak dapat dielakkan seperti mana yang Israel lakukan terhadap Palestin," katanya.

Keputusan 128 negara menolak keputusan AS itu bagaimanapun galakan moral atau pemangkin semangat kepada rakyat Palestin khususnya.

"Sokongan yang diperoleh itu sudah cukup menunjukkan rakyat Palestin tidak

bersendirian dan mereka mendapat sokongan padu dari majoriti dunia.

"Negara yang menyokong keputusan AS serta bersikap berkecuali pula akan menjadi golongan terpinggir dan sudah pasti memberi masalah besar kepada rakyatnya," katanya.

Mengulas lanjut mengenai pelaksanaan himpunan solidariti pada setiap minggu ketiga setiap bulan, kata Zaid ia adalah langkah yang terbaik untuk terus memberi sokongan kepada Palestin dan Baitulmaqdis.

Katanya, perhimpunan yang dilakukan Jumaat lalu memperlihatkan seluruh dunia baik Islam dan bukan Islam turut sama menyokong atas nama kemanusiaan.

SALAH GUNA KUASA

■ **Trump perlu tarik balik pengisyiharan selepas 128 negara bantah usul**

